

03/03/1997

LTDL '97: Mahathir puas hati

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Efindi Badaruddin
DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan First Cartel Sdn Bhd, penganjur lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTDL) '97 kali kedua yang berakhir di Langkawi, semalam.

Menurutnya, perlumbaan ketiga terbesar di dunia itu dianjurkan dengan berjaya dan mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta antarabangsa sambil berharap ia akan berkekalan pada masa depan.

Berucap di majlis makan tengah hari meraikan peserta di sebuah hotel, Dr Mahathir berkata walaupun pelumba Malaysia gagal menyerlah, ia memberi banyak pengalaman kepada mereka.

Ketika berucap di majlis penyampaian hadiah Perlumbaan Kart Prix Asean pertama yang turut diadakan di Langkawi, Perdana Menteri gembira kerana beberapa pemandu tempatan mampu bersaing dengan pemandu luar negara.

Menurutnya, ia adalah bukti bahawa ahli sukan negara juga mampu menyaingi pelumba asing, terutama dalam bidang sukan yang tidak memerlukan kelebihan fizikal dan saiz tubuh.

"Kita gagal bersaing dalam sukan lain kerana kekurangan dari segi fizikal dan tubuh badan tetapi dalam sukan go-kart yang memerlukan kemahiran, kita boleh menyaingi peserta luar negara.

"Justeru, kejayaan dalam kart prix ini adalah sebagai satu permulaan bagi pemandu kita untuk berlumba di peringkat Formula 1 kerana pemandu go-kart yang berjaya akan ditingkatkan sehingga ke tahap Formula 1 dan Formula 3 pada masa depan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata perlumbaan seperti itu dapat menarik minat golongan muda dan mengelakkan mereka terbabit dalam perlumbaan haram yang membahayakan diri mereka.

Terdahulu, Perdana Menteri melepaskan perlumbaan demonstrasi pelatih go-kart dengan memandu kenderaan itu mengelilingi litar perlumbaan sebanyak satu pusingan.

Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) Institut Teknologi Mara (ITM) dan Mofaz Motorsport Sdn Bhd untuk bekerjasama membuat penyelidikan, reka bentuk dan menguji pandu go-kart yang akan digunakan dalam pendidikan perlumbaan serta perlumbaan Formula 1 pada masa depan.

ITM diwakili Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahman Arshad, manakala Mofaz Motorsport oleh Presidennya, Mohamed Fauzy Abdul Hamid.

Dr Mahathir juga melawat projek pembinaan Lapangasar Antarabangsa Langkawi di Ulu Melaka yang bakal digunakan sebagai tempat pertandingan acara menembak Sukan Komanwel 1998.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri diberi taklimat mengenai pembinaan projek yang telah 72 peratus siap oleh Abdul Karaf Shafie, iaitu Pengerusi Eksekutif KLK Kontrakbina Sdn Bhd yang membina lapangasar berkenaan dan Pengarah Unit Kerja Dalam Negeri Jabatan Kerja Raya (JKR), Zahariah Mohamed.

Projek bernilai RM66.5 juta di kawasan seluas 212 hektar yang dimulakan pada Mei tahun lalu itu dan dijangka siap awal Julai ini, akan menjadi tempat pelbagai acara menembak Sukan Komanwel.

Antara yang dibina ialah lapangasar menembak acara 1,000 ela yang hanya dipertandingkan dalam Sukan Komanwel.

Selain untuk digunakan dalam sukan antarabangsa itu, lapangasar berkenaan juga bakal digunakan sebagai tempat latihan menembak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

(END)